

## PSB - Bahagian Arkib

---

**From:** UUM Press  
**Sent:** Monday, 29 April, 2019 9:24 AM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Cc:** Prof. Madya Dr. Ram Al Jaffri Bin Saad; Umisofian Bt Md Yusuf  
**Subject:** UNISSA PRESS BRUNEI TIMBA ILMU DAN KONGSI PENGALAMAN UUM PRESS



29 April 2019 / 23 Syaaban 1440H

Assalamualaikum W.B.T

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr/Tuan/Puan

### UNISSA PRESS BRUNEI TIMBA ILMU DAN KONGSI PENGALAMAN UUM PRESS



**UUM Press Online:** Penerbit Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA Press) Brunei Darussalam telah mengadakan lawatan kerja selama empat hari di UUM Press pada 8 hingga 11 April 2019 yang lalu. Delegasi UNISSA Press terdiri daripada enam orang staf di bawah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) UNISSA yang diketuai oleh Pengarahnya Prof. Madya Dr. Hjh. Rose Abdullah. Lawatan kerja ini adalah salah satu aktiviti dalam merealisasikan hubungan dan kerjasama yang dinyatakan dalam Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani antara UUM dan UNISSA sejak 14 Februari 2017.

Antara lain lawatan kerja ini bertujuan untuk menimba ilmu dan berkongsi pengalaman tentang pengurusan sesebuah penerbit universiti. Di samping itu, melalui program lawatan dan pemerhatian di tempat kerja, staf UNISSA Press berkesempatan menimba ilmu dan kemahiran tentang proses kerja dalam bidang penerbitan iaitu tugas editorial, penyuntingan, pra-penerbitan, pembacaan pruf, reka letak, reka bentuk kulit buku dan grafik, percetakan, pengeluaran, pemasaran, pengurusan kedai dan stor buku.

Menurut Prof Madya Dr. Ram Al Jaffri Saad, Pengarah UUM Press, lawatan daripada UNISSA Press telah membuka jalan untuk kerjasama lebih jauh yang bermanfaat kepada kedua-dua belah pihak seperti kerjasama dalam pemasaran dan jualan buku serta usaha sama penerbitan judul yang mempunyai permintaan di kedua-dua buah universiti atau negara Malaysia dan Brunei.

Manakala Prof. Madya Dr. Rose Abdullah pula berkata pada asalnya tujuan menerbitkan buku adalah untuk tujuan penyebaran ilmu dan berdakwah namun, pada masa kini nilai dan aspek kebolehpasaran judul yang diterbitkan perlu dititikberatkan. Maka, dengan itu menurutnya lagi perkongsian ilmu dan pengalaman akan membantu memamatkan penerbit supaya mencontohi faktor kejayaan dan belajar dari kesilapan.

Sepanjang tempoh lawatan kerja di UUM, delegasi UNISSA Press juga diraikan di Welcome Centre dan mengadakan lawatan ke Muzium UUM dan Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.